

**PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP PENGINTEGRASIAN
MUZIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
DI SEBUAH MAKTAB PERGURUAN DI SABAH**



LOI LING JU

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2006

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : Persepsi Guru Pelatih Terhadap Pengintegrasian Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sebuah Maktab Perguruan Di Sabah

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2003 – 2005

Saya, LOI LING JU mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD



Disahkan oleh

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Penulis: LOI LING JU)
Alamat Tetap:

Tarikh : 5 Julai 2006

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(YM RAJA ISMAIL RAJA LOPE AHMAD)

Tarikh : 10/7/06

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


LOI LING JU
PS03-006(K)-125
28 APRIL 2006

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, YM Raja Ismail Raja Lope Ahmad yang telah memberi bimbingan dan nasihat kepada saya untuk menjayakan penyelidikan ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pensyarah dan staf Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS serta rakan-rakan seperjuangan, Soh Chin Kui, Chin Satt Fung, Christopher J. Ansun, dan Lee Sow Ying yang telah memberikan kerjasama, sokongan dan galakan sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah. Tidak ketinggalan kepada para guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah yang terlibat dalam kajian ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan Maktab Perguruan Kent, terutama Puan Kang Hwa Choo, dan Encik Mansor Md Desa yang telah meniup semangat dan sokongan kepada saya.

Akhir sekali penghargaan buat abang dan kakak ipar yang tidak putus-putus mendoakan kesejahteraan dan kejayaan saya bagi menyudahkan pengajian ini.

LOI LING JU



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP PENGINTEGRASIAN MUZIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEBUAH MAKTAB PERGURUAN DI SABAH

Kajian ini bertujuan mendapatkan maklum balas persepsi pendidikan muzik, tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran asas muzik dalam kurikulum Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran, dan kesediaan dan kemampuan mengintegrasikan aktiviti muzikal dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru pelatih di sebuah maktab perguruan di Sabah. Sampel kajian ini terdiri daripada 63 orang guru pelatih KPLI (SR) dari opsyen Pengajian Agama Islam, Matematik, dan Sains. Pengumpulan data dilakukan melalui soal selidik yang menggunakan skala Likert 4 poin. Kaedah statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, dan statistik inferensi ujian-T dan ANOVA sehalu digunakan untuk penganalisaan data. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa min keseluruhan persepsi terhadap pendidikan muzik di kalangan guru pelatih ialah 3.12. Ujian-T '*Independent Samples Test*' yang dijalankan menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara persepsi pendidikan muzik mengikut jantina ($p = 0.67$, $\alpha = .05$). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran asas muzik adalah pada tahap sederhana dengan min keseluruhan 2.50. Ujian ANOVA sehalu yang dijalankan menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran asas muzik mengikut opsyen ($p = 0.08$, $\alpha = .05$). Dapatan kajian menunjukkan kesediaan dan kemampuan mengintegrasikan aktiviti muzikal dalam pengajaran dan pembelajaran kurang memuaskan, iaitu dengan min keseluruhan 2.82. Ujian ANOVA sehalu yang dijalankan juga menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara kesediaan dan kemampuan mengintegrasikan aktiviti muzikal dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut opsyen ($p = 0.58$, $\alpha = .05$). Secara keseluruhan, guru pelatih ini mempunyai persepsi yang positif terhadap pengintegrasian muzik dalam pengajaran dan pembelajaran.

ABSTRACT**PERCEPTION OF TRAINEE TEACHERS TOWARDS THE
INTEGRATION OF MUSIC IN THE CLASSROOM IN ONE
TEACHERS' TRAINING COLLEGE IN SABAH**

The aim of this study is to get feedback on the perception of music education, the competency of basic music knowledge and skills in curriculum Integrating Music Into The Classroom, and the readiness and capabilities to integrate musical activities in the teaching and learning in schools among trainee teachers in one of the teachers' training college in Sabah. The research sample comprised of 63 KPLI trainee teachers from the Science, Mathematics and Religious Studies option. Data were collected using a set of 4-point Likert Scale questionnaire. Descriptive statistics such as frequencies, percentages, means and standard deviations were employed in analyzing the data. Inferential statistics (Independent Samples T-Test and One-way ANOVA) was also taken into account. The finding of this study indicated that the mean of trainee teachers' perception towards music education was 3.12. There was no significant difference in the perception of music education between the gender ($p = 0.67$, $\alpha = .05$). The study also indicated that the basic music knowledge and skills competency of the trainee teachers was average with a mean of 2.50. The ANOVA test showed that there was no significant difference in the basic music knowledge and skills competency between the options ($p = 0.08$, $\alpha = .05$). Readiness and capabilities to integrate musical activities was less satisfactory (mean = 2.82). There was no significant difference in the readiness and capabilities to integrate musical activities between the options ($p = 0.58$, $\alpha = .05$). On the whole, the trainees had positive perception towards integrating music into the classroom.

SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
IQ	<i>Intelligence Quotient</i>
KDPM	Kursus Diploma Perguruan Malaysia
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
SR	Sekolah Rendah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
SINGKATAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii

BAB	PERKARA	HALAMAN
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Persoalan Kajian	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Hipotesis	5
	1.6 Kerangka Konseptual Kajian	6
	1.7 Kepentingan Kajian	7
	1.8 Definisi Operasional	8
	1.9 Limitasi Kajian	9
	1.10 Kesimpulan	10
2	TINJAUAN LITERATUR	11
	2.1 Pengenalan	11
	2.2 Model Konseptual Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	12
	2.3 Pengintegrasian Muzik Dalam Bilik Darjah	14
	2.4 Kajian Yang Berkaitan	16
	2.4.1 Kajian Lepas Dalam Negeri	16
	2.4.2 Kajian Lepas Luar Negeri	18
	2.5 Kerangka Teoritikal Kajian	21
	2.6 Kesimpulan	26

3	METODOLOGI KAJIAN	27
3.1	Pengenalan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
3.3	Prosedur Kajian	27
3.4	Populasi Dan Persampelan	28
3.5	Instrumen Kajian	29
3.6	Kajian Rintis	30
3.7	Kaedah Analisis Data	31
4	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN	34
4.1	Pengenalan	34
4.2	Demografi Responden	35
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	35
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Umur	36
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Pengkhususan Subjek	36
4.2.4	Maklumat Kelayakan Bersijil Dalam Muzik	37
4.2.5	Maklumat Kebolehan Memainkan Alat Muzik	37
4.2.6	Maklumat Pengalaman Mengajar Di Sekolah	38
4.3	Persepsi Terhadap Pendidikan Muzik	38
4.3.1	Aspek Minat	39
4.3.2	Aspek Persepsi Muzik Dalam Pendidikan	40
4.3.3	Aspek Pengaplikasian Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	40
4.3.4	Aspek Memperoleh Pengetahuan Dan Kemahiran Muzik	41
4.4	Perbezaan Persepsi Terhadap Pendidikan Muzik Mengikut Jantina	42
4.5	Tahap Penguasaan Pengetahuan Dan Kemahiran Asas Muzik	43
4.5.1	Aspek Konsep Muzik	44
4.5.2	Aspek Nyanyian	45
4.5.3	Aspek Permainan Alat Perkusi Dan Gerakan Kreatif	46
4.5.4	Aspek Pedagogi	47
4.6	Perbezaan Tahap Penguasaan Pengetahuan Dan Kemahiran Asas Muzik Mengikut Opsyen	48
4.7	Kesediaan Dan Kemampuan Mengintegrasikan Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah	49
4.7.1	Aspek Keyakinan	50
4.7.2	Aspek Kemahiran	50
4.7.3	Aspek Pngetahuan	51
4.7.4	Aspek Inisiatif	52
4.8	Perbezaan Kesediaan Dan Kemampuan Mengintegrasikan Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mengikut Opsyen	53

4.9	Kesimpulan	54
5	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	56
5.1	Pengenalan	56
5.2	Perbincangan	56
5.3	Persepsi Terhadap Pendidikan Muzik	57
5.3.1	Aspek Minat	57
5.3.2	Aspek Persepsi Muzik Dalam Pendidikan	58
5.3.3	Aspek Pengaplikasian Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	59
5.3.4	Aspek Memperoleh Pengetahuan Dan Kemahiran Muzik	60
5.4	Perbezaan Persepsi Terhadap Pendidikan Muzik Mengikut Jantina	61
5.5	Tahap Penguasaan Pengetahuan Dan Kemahiran Asas Muzik	61
5.5.1	Aspek Konsep Muzik	62
5.5.2	Aspek Nyanyian	62
5.5.3	Aspek Permainan Alat Perkusi Dan Gerakan Kreatif	63
5.5.4	Aspek Pedagogi	63
5.6	Perbezaan Tahap Penguasaan Pengetahuan Dan Kemahiran Asas Muzik Mengikut Opsyen	64
5.7	Kesediaan Dan Kemampuan Mengintegrasikan Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah	65
5.7.1	Aspek Keyakinan	65
5.7.2	Aspek Kemahiran	66
5.7.3	Aspek Pengetahuan	66
5.7.4	Aspek Inisiatif	66
5.8	Perbezaan Kesiediaan Dan Kemampuan Mengintegrasikan Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mengikut Opsyen	67
5.9	Rumusan	68
5.10	Cadangan Kajian Lanjutan	71
5.11	Penutup	72

BIBLIOGRAFI	74
--------------------	-----------

LAMPIRAN

LAMPIRAN A Kandungan Dan Peruntukan Masa Bagi Subjek Muzik Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pengajian Asas KPLI (SR)

LAMPIRAN B Soal Selidik

LAMPIRAN C Jadual Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi

LAMPIRAN D Kajian Rintis: Kebolehpercayaan Soal Selidik Bahagian B

LAMPIRAN E Kajian Rintis: Kebolehpercayaan Soal Selidik Bahagian C

LAMPIRAN F Kajian Rintis: Kebolehpercayaan Soal Selidik Bahagian D

LAMPIRAN G Analisis Statistik Deskriptif Kekerapan Dan Peratusan Demografi Responden

LAMPIRAN H Analisis Statistik Deskriptif Persepsi Terhadap Pendidikan Muzik

LAMPIRAN I Analisis Deskriptif Min Keseluruhan Bagi Persepsi Terhadap Pendidikan Muzik

LAMPIRAN J Analisis Perbandingan Nilai Min dan Sisihan Piawai Persepsi Pendidikan Muzik Mengikut Jantina

LAMPIRAN K Analisis Statistik Deskriptif Tahap Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Asas Muzik

LAMPIRAN L Analisis Deskriptif Min Keseluruhan Bagi Tahap Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Asas Muzik

LAMPIRAN M Analisis Deskriptif Min dan Kekerapan Tahap Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Asas Muzik Mengikut Opsyen

LAMPIRAN N Analisis Statistik Deskriptif Kesiediaan dan Kemampuan Mengintegrasikan Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah

LAMPIRAN O Analisis Deskriptif Min Keseluruhan Bagi Kesiediaan dan Kemampuan Mengintegrasikan Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah

LAMPIRAN P Analisis Min dan Kekerapan Kesiediaan dan Kemampuan Mengintegrasikan Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Sekolah Mengikut Opsyen

SENARAI JADUAL

JADUAL		HALAMAN
Jadual 3.1	Nombor Item Soal Selidik Berunsur Positif Dan Negatif	30
Jadual 3.2	Analisis Data Yang Digunakan Dalam Kajian Ini	32
Jadual 3.3	Pemeringkatan Min Skor Tahap Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Dalam Kurikulum Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran KPLI (SR)	33
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	35
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	36
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Pengkhususan Subjek	36
Jadual 4.4	Maklumat Kelayakan Bersijil Dalam Muzik	37
Jadual 4.5	Maklumat Kebolehan Memainkan Alat Muzik	37
Jadual 4.6	Maklumat Pengalaman Mengajar Di Sekolah	38
Jadual 4.7	Ringkasan Statistik Deskriptif Persepsi Terhadap Pendidikan Muzik	38
Jadual 4.8	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Minat	39
Jadual 4.9	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Persepsi Muzik Dalam Pendidikan	40
Jadual 4.10	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Pengaplikasian Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	41
Jadual 4.11	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Memperoleh Pengetahuan Dan Kemahiran Muzik	42
Jadual 4.12	Perbandingan Nilai Min, Sisihan Piawai Dan Ujian-T ' <i>Independent Samples Test</i> ' Bagi Persepsi Pendidikan Muzik Mengikut Jantina	43
Jadual 4.13	Ringkasan Statistik Deskriptif Tahap Penguasaan Pengetahuan Dan Kemahiran Asas Muzik	43
Jadual 4.14	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Konsep Muzik	44
Jadual 4.15	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Nyanyian	45
Jadual 4.16	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Permainan Alat Perkusi Dan Gerakan Kreatif	46
Jadual 4.17	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Pedagogi	47
Jadual 4.18	Analisis ANOVA Satu Hala, Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penguasaan Pengetahuan Dan Kemahiran Asas Muzik Mengikut Opsyen	48
Jadual 4.19	Ringkasan Statistik Deskriptif Kesiediaan Dan Kemampuan Mengintegrasikan Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah	49
Jadual 4.20	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Keyakinan	50
Jadual 4.21	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Kemahiran	51
Jadual 4.22	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Pengetahuan	51
Jadual 4.23	Ringkasan Statistik Deskriptif Aspek Inisiatif	52
Jadual 4.24	Analisis ANOVA Satu Hala, Min Dan Sisihan Piawai Kesiediaan dan Kemampuan Mengintegrasikan Aktiviti Muzikal Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mengikut Opsyen	54

SENARAI RAJAH

RAJAH		HALAMAN
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	7
Rajah 2.1	Model Konseptual Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	13



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), salah satu aspek yang diutamakan ialah penggabungjalinan kemahiran inter dan intra mata pelajaran. Pendidikan peringkat rendah adalah pendidikan yang bertujuan mencapai matlamat perkembangan individu yang menyeluruh. Guru dikehendaki menggabungjalinan kemahiran dalam penyampaian isi kandungan subjek supaya pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Sehubungan itu, muzik memainkan peranan yang penting dalam aspek tersebut. Muzik boleh menghiburkan kanak-kanak, dan juga mampu menghidupkan suasana pembelajaran lantas menjadikan pembelajaran suatu pengalaman yang menarik serta menyeronokkan. Muzik dapat membantu meningkatkan minat pelajar terhadap subjek lain. Mengikut Elliott (1995), pengalaman-pengalaman dan kegiatan-kegiatan muzik dapat memupuk dan memperkembangkan nilai estetika dan kreativiti semula jadi pada kanak-kanak.

Kewujudan Institusi Pendidikan Guru adalah penting untuk melahirkan bakal guru yang mempunyai minat dan potensi dalam mengajar dan membimbing pelajar di bawah jagaannya. Kualiti pendidikan bermula dengan kualiti guru. Peningkatan kualiti pendidikan guru merupakan satu usaha berterusan untuk melahirkan guru yang kreatif, berketrampilan dan berakhlak mulia. Kurikulum pendidikan guru adalah dinamik dan sentiasa diubah suai supaya guru dikemaskinikan dengan ketrampilan baru, pengetahuan baru dan sikap positif sejajar dengan pembentukan negara yang progresif. Pengubahsuaian kurikulum menuntut para pendidik guru membuat

peranjakan minda untuk melahirkan guru permulaan yang cekap teknologi dan yakin menghadapi perubahan serta menangani cabaran persekitaran sekolah semasa.

Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah telah diperkenalkan mulai Januari 2003 untuk melatih guru siswazah dalam bidang perguruan sekolah rendah. Program KPLI sekolah rendah dikendalikan dalam tempoh 39 minggu yang merangkumi satu minggu pengurusan pelajar baru dan Bina Insan Guru, 24 minggu interaksi kuliah, 12 minggu praktikum, satu minggu refleksi dan satu minggu peperiksaan (Bahagian Pendidikan Guru, 2003). Kurikulum ini digubal berasaskan keperluan mengoptimumkan perkembangan kognitif kanak-kanak, keperluan meningkatkan ilmu pedagogi dan pengalaman berasaskan sekolah rendah serta keperluan memupuk nilai positif dan amalan profesional di kalangan guru. Keperluan-keperluan tersebut diterjemahkan dalam kandungan kurikulum latihan perguruan yang mendefinisikan bagaimana seseorang guru perlu mereka bentuk pengajaran yang berkesan, mewujudkan suasana bilik darjah yang selesa, mewujudkan suasana keseronokan untuk menimba ilmu serta memupuk ciri-ciri guru profesional yang disanjung tinggi oleh masyarakat. Kurikulum ini juga menuntut agar guru-guru yang mengikuti program latihan ini berketrampilan dalam penggunaan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi.

Sukatan pelajaran Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah merupakan salah satu komponen dalam pengajian asas yang mempunyai satu kredit kuliah iaitu 15 jam interaksi (Bahagian Pendidikan Guru, 2003). Kemahiran-kemahiran seperti pendengaran, nyanyian, permainan alat perkusi dan perkusi badan, gerakan kreatif, diguna pakai untuk membantu melengkapi pelajar yang tidak mempunyai asas kemahiran muzik dalam mengaplikasikan kemahiran muzik dalam pengajaran dan pembelajaran. Program ini direkabentuk untuk membantu pelajar mempelbagaikan strategi

pengajaran di samping menikmati muzik serta dapat memperkembangkan kemahiran berfikir.

1.2 Pernyataan Masalah

Muzik mempunyai peranan yang penting dalam budaya masyarakat kita di Malaysia yang berkait rapat dengan kegiatan hidup harian dan majlis tertentu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1995). Walaupun banyak kajian telah membuktikan muzik dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, ia masih tidak dipandang berat oleh sesetengah golongan masyarakat, dan juga sesetengah sekolah di Malaysia. Pengintegrasian muzik dalam subjek yang lain mungkin dapat meningkatkan kesedaran kepentingan muzik dalam pendidikan.

Kandungan pembelajaran Subjek Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran meliputi pengenalan konsep muzik melalui aktiviti muzikal yang melibatkan kemahiran pendengaran, nyanyian, permainan alat perkusi, perkusi badan dan gerakan kreatif. Ia dapat membantu guru pelatih mengintegrasikan aktiviti muzikal dengan subjek lain selaras dengan program KPLI sekolah rendah. Guru pelatih KPLI ini mempunyai latar belakang yang berbeza. Persepsi mereka terhadap muzik dalam pendidikan juga berlainan mungkin akan mempengaruhi pengaplikasian aktiviti muzik dalam pengajaran dan pengajaran mereka nanti.

Mungkin ramai guru pelatih yang tidak mempunyai asas pengetahuan dan kemahiran muzik diwajibkan mengambil subjek ini. Mereka hanya mempunyai 15 jam interaksi untuk menguasai kandungan pembelajaran tersebut. Masalah menguasai kandungan pembelajaran muzik mungkin timbul. Tahap penguasaan mereka mungkin mempengaruhi kemampuan serta kesediaan untuk mengintegrasikan aktiviti muzikal dalam pengajaran dan pembelajaran mereka di sekolah nanti. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran muzik yang terhad mungkin

akan menimbulkan keraguan terhadap kemampuan guru permulaan ini memanfaatkan muzik dalam penyampaian isi kandungan subjek lain di sekolah.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin dikemukakan ialah :

- i. Apakah persepsi guru pelatih KPLI sekolah rendah ini terhadap pendidikan muzik?
- ii. Adakah wujud perbezaan yang signifikan persepsi terhadap pendidikan muzik antara kalangan guru pelatih perempuan dengan guru pelatih lelaki?
- iii. Apakah tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran asas muzik guru pelatih KPLI sekolah rendah yang terkandung dalam sukatan pelajaran Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran?
- iv. Adakah wujud perbezaan yang signifikan antara guru pelatih KPLI (SR) beropsyen Pengajian Agama Islam, Sains, dan Matematik dari aspek tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran asas muzik yang terkandung dalam sukatan pelajaran Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran?
- v. Adakah guru pelatih KPLI sekolah rendah ini bersedia dan berkemampuan mengintegrasikan aktiviti muzikal dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran subjek yang lain dengan berkesan di sekolah kelak?
- vi. Adakah wujud perbezaan yang signifikan antara guru pelatih KPLI (SR) beropsyen Pengajian Agama Islam, Sains, dan Matematik dari aspek kesediaan dan kemampuan mereka mengintegrasikan aktiviti muzik dalam pengajaran dan pembelajaran subjek yang lain di sekolah kelak?

1.4 Objektif Kajian

Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk:

- i. mengkaji persepsi guru pelatih KPLI terhadap pendidikan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran.
- ii. mengkaji tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran asas guru pelatih KPLI dalam bidang muzik yang terkandung dalam sukatan pelajaran Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran.
- iii. mengkaji kesediaan dan kemampuan guru pelatih KPLI mengintegrasikan aktiviti muzik dalam pengajaran dan pembelajaran subjek yang lain di sekolah kelak.

1.5 Hipotesis

- H_{01} Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan terhadap pendidikan muzik di kalangan guru pelatih perempuan KPLI (SR) dengan guru pelatih lelaki KPLI (SR).
- H_{02} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru pelatih KPLI (SR) beropsyen Pengajian Agama Islam, Sains, dan Matematik dari aspek tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran asas muzik yang terkandung dalam sukatan pelajaran Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran.
- H_{03} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru pelatih KPLI (SR) beropsyen Pengajian Agama Islam, Sains, dan Matematik dari aspek kesediaan dan kemampuan mereka mengintegrasikan aktiviti muzik dalam pengajaran dan pembelajaran subjek yang lain di sekolah kelak.


1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kajian ini terdiri daripada dua jenis pemboleh ubah, iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Menurut Salkind (2000), pemboleh ubah merujuk kepada perkara yang diletakkan nilai yang boleh berubah-ubah (misalnya, angka) untuk tujuan analisis dan penyelidikan. Pemboleh ubah bersandar merupakan faktor yang diperhatikan dan diukur untuk menentukan kesan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar pula merupakan faktor yang diukur, dimanipulasi atau dipilih oleh penyelidik untuk menentukan hubungannya dengan fenomena yang diperhatikan (Healey, 2002).

Dalam kerangka konseptual kajian ini (Rujuk Rajah 1.1), guru pelatih KPLI pengkhususan Matematik, Sains, dan Pengajian Agama Islam yang mengikuti Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran dapat mengintegrasikan aktiviti muzik dalam pengajaran pembelajaran mereka sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar adalah persepsi, tahap penguasaan isi kandungan Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran, dan kemampuan serta kesediaan mereka melaksanakan pengintegrasian muzik di sekolah dengan berkesan.

Persepsi dan tanggapan merupakan proses penting dalam pembelajaran. Persepsi bermaksud seseorang membuat interpretasi atau memberi makna kepada rangsangan yang diterima oleh derianya (Slavin, 1997). Seterusnya apabila maklumat tersebut dirasakan penting, individu akan membentuk konsep daripadanya.

Leng, Shaw dan Wright (1990) berpendapat bahawa kita dapat meningkatkan hasil pembelajaran dan kreativiti melalui aktiviti muzikal. Gardner (1983) mengatakan bahawa kecerdasan muzikal merupakan salah satu daripada tujuh kecerdasan. Oleh kerana itu, muzik boleh membantu pelajar belajar dengan lebih berkesan. Kecerdasan kelapan, iaitu Naturalis ditambah dalam teori Gardner pada tahun 1996 (Wise, 2001).



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memberi data asas tentang persepsi guru pelatih KPLI sekolah rendah terhadap pengaplikasian aktiviti muzikal dalam subjek yang lain.

- i. Pihak berkenaan dan para pensyarah dapat memperbaiki kelemahan yang dikesan dalam pembelajarannya dari dapatan yang berkaitan dengan penguasaan pengetahuan asas dan kemahiran muzik yang terkandung dalam sukatan pelajaran ini. Langkah-langkah susulan yang sesuai akan diambil supaya dapat meningkatkan lagi kualiti subjek ini.
- ii. Dapatan yang diperolehi dari aspek kesediaan dan kemampuan guru pelatih KPLI mengintegrasikan aktiviti muzikal dalam pengajaran dan pembelajaran subjek yang lain, adalah penting untuk memberi maklumat yang relevan kepada pihak-pihak perancang kurikulum perguruan untuk menggubal satu sukatan pelajaran yang lebih mantap pada masa yang akan datang.

- iii. Hasil kajian ini juga penting untuk menunjukkan kepentingan pendidikan muzik dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.8 Definisi Operasional

Istilah-istilah di bawah ini dalam konteks kajian ini membawa maksud yang tertentu.

i. **Pengintegrasian Muzik**

Merujuk kepada pengaplikasian aktiviti muzik dalam pengajaran dan pembelajaran subjek yang lain seperti Bahasa Inggeris, Sains, Matematik, Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Jasmani dan lain-lain.

ii. **Persepsi Guru Pelatih KPLI (SR)**

Dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada pandangan, tanggapan, dan gambaran melalui pemerhatian dan pengalaman guru pelatih KPLI (SR) sendiri.

iii. **Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran**

Merujuk kepada salah satu subjek dalam komponen pengajian asas Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah.

iv. **Tahap Penguasaan Pengetahuan Dan Kemahiran Asas Muzik**

Tahap dalam konteks ini merujuk kepada tiga pemeringkatan piawai, iaitu tinggi, sederhana, dan rendah. Penguasaan adalah merujuk kepada kecekapan atau keupayaan yang diperoleh setelah melatih diri atau mempelajarai dengan bersungguh-sungguh, seperti kandungan sukatan pelajaran Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. Dengan ini, tahap penguasaan merujuk kepada peringkat piawai daya atau kemampuan melakukan atau mengerjakan sesuatu seperti terkandung dalam sukatan pelajaran Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran.

v. Guru Pelatih KPLI (SR) Di Sebuah Maktab Perguruan Di Sabah

Pelajar-pelajar yang sedang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah di sebuah maktab perguruan di Sabah, untuk menjadi guru siswazah dalam bidang perguruan sekolah rendah.

vi. Kesediaan Dan Kemampuan

Merujuk kepada kesanggupan dan kebolehan mengaplikasikan aktiviti muzikal dalam pengajaran dan pembelajaran subjek yang lain dengan yakin dan mampu melaksanakan aktiviti muzikal tersebut dengan berkesan.

1.9 Limitasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada tiga unit Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendahambilan Januari tahun 2006, iaitu Pengajian Agama Islam ($n=21$), Matematik ($n=21$) dan Sains ($n=21$), di sebuah maktab perguruan di Sabah. Seramai 63 orang guru pelatih KPLI (SR) ini yang terdiri daripada 35 orang lelaki dan 28 orang perempuan menjadi responden kajian ini.

Guru pelatih ini mengikuti interaksi Muzik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran selama 15 jam. Soal selidik diedarkan pada hujung bulan Mac, selepas guru pelatih mengikuti tajuk konsep muzik dan pedagogi. Ketepatan data yang diperoleh bergantung kepada sikap dan kerjasama yang diberikan semasa mengisi dan menjawab soal selidik.

Tempoh kajian ini ialah dari Januari 2006 hingga April 2006 iaitu selama 17 minggu. Kajian adalah tertumpu kepada guru pelatih KPLI (SR)ambilan Januari tahun 2006 yang bukan opsyen pendidikan muzik di sebuah maktab perguruan di Sabah. Namun dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan kepada populasi guru pelatih KPLI (SR) di maktab perguruan ini dan ia hanya bersifat persepsi.

1.10 Kesimpulan

Muzik memberi keseronokan dan pengalaman estetika kepada manusia supaya meningkatkan lagi kualiti kehidupannya. Mengikut Radocy dan Boyle (1979), semua orang mempunyai kebolehan muzikal yang agak tinggi, lazimnya mempunyai kepintaran atau IQ yang tinggi juga tetapi bukan semua orang yang pintar atau cerdas mempunyai kebolehan muzikal yang tinggi.

Pengintegrasian muzik dapat membantu guru-guru menghubungkan kepekaan deria kanak-kanak dengan aktiviti muzikal melalui pendekatan penerokaan, pengalaman dan ekspresi (Anderson dan Lawrence, 1995). Pengetahuan mengaplikasikan aktiviti muzik dalam pengajaran dan pembelajaran subjek lain, akan dapat mempertingkatkan mutu pendidikan guru bersesuaian dengan keperluan pendidikan semasa dan akan datang. Dengan ini, sistem keguruan Malaysia di maktab-maktab perguruan perlu sentiasa dipantau untuk menghasilkan guru permulaan yang berkualiti. Pengurusan pendidikan tidak akan lengkap dan perkembangan kursus perguruan tidak akan sempurna jika tidak ada pengesanan. Penyelidikan pendidikan membolehkan pihak perancang dan pelaksana mengetahui status pelaksanaan dan perkara-perkara yang berlaku digelanggang.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Reimer (2003) percaya bahawa muzik mempunyai ciri-ciri yang menjadikannya satu subjek, satu bidang, satu amalan, atau satu seni yang diiktiraf dan tersendiri. Muzik adalah nilai kepada manusia dan komunitinya dalam pelbagai cara yang berkaitan dengan ciri-ciri ini. Misi utama pendidikan muzik adalah menjadikan nilai muzikal diperolehi dengan mendalam dan luas sekali. Muzik sebagai satu disiplin yang tidak hanya berhubung dengan tiga bidang pembelajaran, iaitu kognitif, afektif, dan psikomotor, tetapi juga termasuk nilai estetik (Abeles, Hoffer dan Klotman, 1994). Menurut Eisner (2003), muzik penting dalam pendidikan kerana sumbangan kognitifnya, dan muzik juga membolehkan seseorang melahirkan perasaannya.

Pada awal abad ke 20, kurikulum pengajaran dan pembelajaran interdisiplin muncul sebagai sebahagian pergerakan pendidikan progresif. Pergerakan progresif merupakan satu pendekatan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak di mana menekankan kreativiti, aktiviti, pembelajaran naturalistik, hasil yang nyata, dan terutama sekali pengalaman mereka (Ellis dan Fouts, 2001).

Kurikulum interdisiplin bertujuan membantu para pelajar mencari hubungan di antara subjek-subjek dan menggunakan cara mengetahui yang berbeza (Post *et al.*, 1997). Mengikut Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1985), pengalaman muzik yang menarik, bermakna dan sihat akan membantu meningkatkan minat pelajar menerima subjek lain. Maka muzik seharusnya diintegrasikan dalam subjek yang lain dan tidak hanya dikhaskan untuk kelas Pendidikan Muzik sahaja. Dengan kesedaran kepentingan muzik, Bahagian